

Code: A11

## INVENTORI HAQAT (HAFAZAN AL-QURAN MUDAH DAN CEPAT) BAGI MURID PERINGKAT PERMULAAN (*MUBTADI'*)

Fatin Husna Zaidi, Noornajihan Ja'afar, Muhammad Lukman Ibrahim

*Faculty of Quranic and Sunnah Studies, USIM*

*fatinhusna348@gmail.com*

*noornajihan@usim.edu.my*

*mdlukman@usim.edu.my*

### Abstrak

Alat bantu hafazan (ABH) memainkan peranan penting dalam melancarkan proses hafazan al-Quran, terutamanya bagi para huffaz yang berada di peringkat permulaan. Wujud kepelbagaian ABH dalam bidang hafazan masih belum ditemui yang sesuai dan memenuhi keperluan buat murid tahfiz di peringkat permulaan. Ketiadaan ABH yang berbentuk praktikal telah menyebabkan murid dihambat dengan ketidakmampuan menghafaz serta penerapan kaedah hafazan yang diamalkan tidak menepati susunan kaedah yang telah digariskan oleh Model Hafazan al-Quran Malaysia. Maka usaha untuk menghafaz al-Quran dengan lebih berkesan maka para huffaz memerlukan panduan yang sistematik dan teratur. ABH seperti Inventori Hafal Quran Mudah dan Cepat (HAQAT) dibangunkan untuk memenuhi keperluan ini dengan menyediakan kaedah yang jelas dan berstruktur serta praktikal. Inventori Hafal Quran Mudah dan Cepat (HAQAT) dibangunkan berdasarkan model ADDIE yang meliputi fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, perlaksanaan dan penilaian telah digunakan dengan teliti untuk memastikan reka bentuk dan pengembangan Inventori HAQAT memenuhi keperluan tersebut secara berkesan. Inovasi ini dibentuk hasil kerjasama bersama pakar dalam bidang hafazan al-Quran bagi memastikan bahawa ia disesuaikan dengan keperluan sebenar murid dan standard hafazan. Tambahan pula, tahap kebolegunaan inovasi ini diselaraskan kepada semua murid tahfiz peringkat rendah, menengah dan institusi tinggi. Dapatan menunjukkan bahawa HAQAT telah memberikan impak yang positif terhadap kemampuan menghafaz dan motivasi dalam proses hafazan al-Quran. Inovasi ini tidak hanya terhad kepada sebuah ABH tetapi juga menyokong pelaksanaan dasar pendidikan tahfiz di Malaysia dalam menyumbang secara signifikan kepada murid-murid tahfiz *mubtadi'* di peringkat kerajaan mahupun swasta serta memberikan manfaat kepada bahan bantu mengajar (BBM) buat para guru tahfiz. Dengan penerapan Inventori HAQAT, proses hafazan al-Quran dapat dilakukan dengan lebih efisien dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran serta keberkesanan hafazan yang secara keseluruhannya menyumbang kepada kualiti pendidikan tahfiz yang lebih baik. Melalui inovasi Inventori HAQAT, impian seseorang untuk bergelar hafiz dan hafizah semakin mudah untuk dicapai serta seiring merealisasikan harapan kerajaan dalam melahirkan generasi penghafaz al-Quran seramai 125 000 huffaz menjelang tahun 2050.

**Kata kunci:** Inovasi, Inventori HAQAT; *Mubtadi'*: Model ADDIE; Pendidikan Tahfiz

## Pendahuluan

Kaedah hafazan al-Quran memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kualiti hafazan seorang huffaz. Oleh itu, penggunaan alat bantu hafazan (ABH) menjadi salah satu cara dalam membantu huffaz memudahkan proses hafazan dari sudut hafazan baru mahupun murajaah. Keadaan ini ditegaskan oleh Muhammad Muhsin (1994) bahawa di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz mempunyai alat yang boleh membantu dalam menghafaz al-Quran. Walaubagaimanapun, penglibatan ABH dalam proses hafazan al-Quran kurang diaplikasikan (Abdul Rahim et al., 2016). Lebih-lebih lagi, penglibatan ABH dalam kaedah hafazan patut dititikberatkan dalam peringkat awal hafazan yang melibatkan murid permulaan atau *mubtadi'*. Pendekatan yang tersusun dan sistematik serta bimbingan praktikal adalah sangat diperlukan. Ini kerana murid tahfiz yang tidak mempunyai pengalaman menghafaz sering kali akan terdedah kepada teori hafazan al-Quran semata tetapi kurang mendapat pendedahan secara praktikal. Selain itu, penilaian kemahiran hafazan dititikberatkan tidak terhad kuantiti hafazan dan sukatan semata atau hanya dinilai secara umum tanpa perincian yang sewajarnya. Keadaan ini menjadikan murid tidak menyedari kelebihan dan kelemahan hafazan mereka. Tambahan juga guru tidak dapat melaksanakan tindakan yang berkesan untuk mengatasi masalah yang timbul.

Dengan adanya inovasi Inventori HAQAT, murid akan dibimbing untuk menghafaz dengan cara yang lebih teratur yang merangkumi hafazan baru serta penjagaan hafazan lama secara praktikal dan berstruktur. Inventori HAQAT yang dilengkapi dengan penilaian berdasarkan kemahiran hafazan yang terdiri kelancaran hafazan, tajwid, makhraj dan fasahah. Ini membolehkan guru merekod kemajuan kemahiran murid dengan lebih teliti. Melalui inventori HAQAT membolehkan guru mengenal pasti kelemahan murid dalam proses hafazan dan melaksanakan tindakan yang sesuai bagi membantu murid meningkatkan prestasi hafazan mereka. Oleh itu, Inventori HAQAT merupakan inovasi penting dalam menyediakan alat bantu hafazan yang praktikal dan komprehensif untuk murid atau individu *mubtadi'* sejajar dengan model hafazan yang digariskan dan bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan tahfiz di Malaysia.


## Objektif

Objektif inovasi Inventori HAQAT adalah untuk menyediakan alat bantu hafazan dalam memberi panduan hafazan yang berstruktur serta komprehensif bagi murid *mubtadi'* dalam pendidikan tahfiz. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kualiti hafazan mereka melalui pendekatan yang sistematik dan praktikal. Inventori ini bertujuan memastikan setiap murid dapat menghafaz dengan berkesan melalui penilaian terperinci yang meliputi aspek kelancaran bacaan, pengaplikasian tajwid, makhraj, dan fasahah. Dengan penilaian berbentuk inventori, guru dapat mengenal pasti dan menangani kelemahan individu dengan lebih berkesan seterusnya menyusun strategi peningkatan prestasi hafazan murid dan memastikan proses hafazan yang lebih teratur serta berkualiti dalam konteks keperluan pendidikan tahfiz di Malaysia.

## Pembaharuan

Inventori HAQAT memperkenalkan inovasi yang unik dengan menyediakan sukatan had hafazan, rajah kedudukan muka surat al-Quran, kotak bilangan ulangan, pengasingan per ayat, ulangan gabungan ayat, kotak semakan kawan serta susunan murajaah. Penggabungan kesemua elemen-elemen ini menjadikan sebuah ABH yang lengkap buat murid *mubtadi'* dalam mengenal dan mengaplikasi kaedah hafazan yang teratur. Tambahan pula, penilaian hafazan secara berterusan berdasarkan pencapaian harian dengan menekankan kemahiran hafazan melalui aspek kelancaran hafazan, tajwid, makhraj dan fasahah secara menyeluruh. Ini seiring dengan beberapa aspek penilaian tahfiz yang dicadangkan dalam kajian Azmil Hashim (2010) dinyatakan oleh Ahwani (1955); Mohd Farouq (1427H) dan Abu Najihat (2002). Ini menjadikannya berbeza daripada alat bantu hafazan (ABH) yang lain. Pendekatan ini tidak hanya menekankan kelancaran hafazan tetapi juga memastikan setiap aspek tajwid dan

makhraj dipraktikkan dengan berkesan oleh murid *mubtadi'*. Keistimewaan Inventori HAQAT juga terletak pada proses pembentukannya yang melibatkan pakar dalam bidang hafazan yang berpengalaman serta penghasilan bahan pembelajaran khusus yang disesuaikan untuk murid tahfiz. Ini menjadikannya satu sumbangan yang signifikan dan belum pernah diperkenalkan dalam dunia pendidikan tahfiz.



Rajah 3.1 Kandungan Inventori HAQAT

## Kebolegunaan

Inventori HAQAT menunjukkan hasil yang positif dalam membantu murid *mubtadi'* di mana ia diakui sebagai alat yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran kelancaran hafazan, tajwid, makhraj serta fasohah di kalangan murid tahfiz (Fatin Husna & Noornajihan, 2024). Kebolegunaan Inventori HAQAT juga boleh disesuaikan mengikut jumlah ayat berdasarkan tahap hafazan telah menjadikannya fleksibel dan sesuai untuk pelbagai peringkat murid dari sekolah rendah hingga institusi pengajian tinggi. Selain itu, Inventori HAQAT memudahkan interaksi pengajaran antara guru dan murid, terutamanya di peringkat *mubtadi'* di mana pendekatan praktikal menjadikan pelaksanaan hafazan lebih sistematik dan berkesan. Penggunaan Inventori HAQAT telah membantu dalam mengatasi cabaran menghafaz khususnya dalam memastikan murid dapat menghafaz dengan kualiti hafazan yang baik. Melalui pendekatan ini, murid yang memerlukan kaedah pengajaran yang lebih intensif dan praktikal dapat dilaksanakan. Murid tahfiz turut mendapat pendedahan yang lebih luas dalam bidang hafazan melalui kaedah yang diterapkan melalui Inventori HAQAT dalam meningkatkan kecekapan dan keyakinan mereka dalam penguasaan al-Quran. Dalam menangani isu dan cabaran dalam pendidikan tahfiz, Inventori HAQAT turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh proses pembelajaran secara praktikal dan menjadikannya salah satu inovasi yang berguna dan relevan untuk memastikan kelestarian pendidikan al-Quran yang menyeluruh.

## Kebolehpasaran

Dalam usaha mengembangkan potensi Inventori HAQAT, langkah proaktif telah diambil dengan mendaftarkan reka cipta ini sebagai hak reka cipta di bawah nombor pemberitahuan CRLY2024W00585. Tujuan utama pendaftaran ini adalah untuk melindungi keaslian bahan yang telah dibangunkan serta meningkatkan kualiti Inventori HAQAT dan membuka peluang untuk kolaborasi dan penyebaran yang lebih luas dalam institusi pendidikan tahfiz. Perlindungan hak cipta ini juga membolehkan Inventori HAQAT berkembang dengan lebih sistematik dan teratur. Selain itu, Inventori HAQAT telah mendapat kepercayaan daripada Pusat Tahfiz Teknikal YUPP Pahang dengan membuka ruang untuk berkongsi penggunaan Inventori HAQAT terhadap pelajar mereka. Maklum balas yang positif daripada pelajar dalam melaporkan proses hafazan lebih baik dan tersusun melalui penggunaan Inventori HAQAT. Tambahan juga, Inventori HAQAT turut memperluaskan kerjasama dengan Maahad Tahfiz Integrasi Sahabat Insani di mana pelajar di institusi tersebut juga memberikan pandangan yang positif. Mereka menunjukkan minat yang tinggi terhadap kaedah hafazan HAQAT yang terbukti melalui pertanyaan dan respons yang diberikan. Langkah ini menunjukkan bahawa Inventori HAQAT bukan sahaja berfungsi sebagai alat inovatif dalam meningkatkan kualiti hafazan tetapi juga sebagai aset yang dilindungi dan diiktiraf secara sah. Perlindungan ini memberikan jaminan kepada perkembangan selanjutnya dan mengukuhkan kredibiliti Inventori HAQAT dalam pendidikan tahfiz.



Rajah 5.1 Kerjasama Inventori HAQAT bersama Pusat Tahfiz Teknikal YUPP Pahang



Rajah 5.2 Kerjasama Inventori HAQAT bersama Maahad Tahfiz Integrasi Sahabat Insani

## Kesimpulan

Melalui inovasi Inventori HAQAT ini telah menunjukkan satu usaha untuk memartabatkan pendidikan tahfiz dalam semua peringkat khususnya peringkat *mubtadi'* iaitu dalam memberi peluang kepada semua individu berpeluang menghafaz al-Quran. Pembentukan inovasi melalui inventori HAQAT dalam memberi impak yang positif pada murid tahfiz *mubtadi'* serta kualiti pengajaran guru dalam kelas hafazan yang lebih efektif seiring dengan dasar pendidikan tahfiz negara yang menyasarkan 125 000 huffaz menjelang tahun 2030.

## Rujukan

- Abdul Rahim, M. M., Hashim, A., Hidayat, W., Ahmad Yussuf, & Borham, A. H. (2016). Tahap Penggunaan Alat Bantu Hafazan ( ABH ) Dalam Kalangan Pensyarah. *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran* (pp. 87–96). Darul Quran, JAKIM.
- Abu Najihat Al-Hafiz. (2002). *Panduan bagi hafiz-hafizah dan qari dan qari'ah*. Selangor: Penerbit Darul Iman.
- Ahwani, Ahmad Fuad. (1995). *Al-tarbiyyah fil Islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al -Kutub al-Arabiyyah.
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran* Negeri. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatin Husna & Noornajihan. (2024). Kajian Rintis Aplikasi Inventori HAQAT Dalam Hafazan al-Quran Terhadap Murid Muftadi'. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 9(64), 31–41. <https://doi.org/10.55573/JISED.096404>
- Mohd Farouq Mohd Al-Raiy. (1427H). *Al-tariqah al-'amaliyyah lit'allumi wa ta'alim al-Quran hifzan wa tilawatan bittajwid wal itqan*. Jeddah: Syirkah al-Madinatul Munawwarah litaba'ah wal-nasyr.
- Muhammad Muhsin Syeikh Ahmad (1994). *Al-Quran dan cara-cara menghafaz*. Shah Alam: Perpustakaan Darul Quran.
- Yaacob, M. T., Suratman, M. N., Shuib, S., Samsungei, M. A., Azali, M. F. M., Manaf, A. J. A., & Abdullah, I. (2019). *Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Penghafaz Al-Quran*. Darul Quran Selangor, JAKIM.